

(Hanya untuk orang bukan Islam)

## **Presidensi Utama Menyediakan Panduan untuk Kembali ke Pertemuan dan Aktiviti Gereja dengan Selamat**

*Integrasi semula kebaktian dan pertemuan serta aktiviti lain tertakluk pada arahan kerajaan tempatan*

Presidensi Utama dan Kuorum Dua Belas Rasul Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah membenarkan penyatuan semula beberapa acara penyembahan dan aktiviti-aktiviti secara berperingkat. Satu notis dihantar hari ini kepada para pemimpin umum dan tempatan di seluruh dunia mengatakan ini hanya boleh dijalankan ketika peraturan kerajaan tempatan membenarkan dan selepas Presidensi Kawasan menyediakan panduan tambahan kepada para pemimpin Gereja tempatan.

Kaedah berperingkat akan digunakan, sentiasa ikuti peraturan kerajaan untuk memastikan kesihatan dan keselamatan semua yang terlibat. Pelaksanaan khusus bagi setiap negara boleh disesuaikan oleh Presidensi Kawasan menurut permintaan keadaan tempatan dan seperti yang diluluskan oleh Kuorum Dua Belas Rasul dan Presidensi Tujuh Puluh. Presiden pancang, berunding dengan pada uskup, akan menentukan masa khusus untuk menjalankan semula pertemuan dan aktiviti.

### *Kebaktian Hari Sabat: Peringkat 1*

Pertemuan yang disingkatkan di bangunan gereja dengan sebanyak 99 individu, mengikut peraturan kerajaan tempatan

### *Pertemuan dan Aktiviti Lain (termasuk upacara perkahwinan dan pengebumian): Peringkat 1*

Pertemuan yang disingkatkan, mengikut peraturan kerajaan tempatan atau dijalankan dari rumah menggunakan teknologi

### *Kebaktian Hari Sabat: Peringkat 2*

Pertemuan di bangunan gereja dengan 100 atau lebih individu, mengikut peraturan kerajaan tempatan

### *Pertemuan dan Aktiviti Lain: Peringkat 2*

Pertemuan di bangunan gereja boleh diadakan mengikut peraturan kerajaan tempatan.

“Kami bersyukur atas iman ahli-ahli yang menyembah di rumah dan kami bersyukur bagi berkat yang akan datang ketika kita berkumpul untuk menyembah dan melakukan aktiviti.” kata Presidensi Utama.

## **Panduan Umum**

Pemimpin imamat diarahkan untuk membaca surat Presidensi Utama dari 16 April 2020, “[Asas Pentadbiran dalam Masa yang Mencabar](#)” serta dua lampirannya (lihat di [sini](#) dan di [sini](#)).

Pemimpin imamat turut dijemput untuk pertimbangkan asas-asas dan panduan tambahan ini supaya dapat teruskan mencegah rebakan wabak COVID-19:

- Gunakan langkah sangat berhati-hati dalam melindungi kesihatan dan keselamatan para ahli. Beri tumpuan kepada ahli yang kesihatan dan usia yang mungkin berisiko.
- Nasihati individu yang tidak sihat, atau telah dimaklumkan untuk kuarantin, atau menunjukkan gejala-gejala berikut bahawa mereka tidak patut hadiri pertemuan: demam, batuk, sesak nafas, sakit kepala, selesema atau sakit kerongkong.
- Amalkan jarak sosial, mencuci tangan dengan sabun dan amalan lain yang disenaraikan di "[Preventative Measures for Members](#)".
- Patuh peraturan kerajaan di setiap lokasi berkenaan perkumpulan awam, termasuk saiz pertemuan, kekerapan dan jangka masa. Sila gunakan peraturan kerajaan.
- Sila kembali ke amalan normal dengan perlahan, teruskan bekerja dari rumah menggunakan teknologi serta perjumpaan bersua muka seperti kaedah berperingkat yang dijelaskan di bawah. Keutamaan bagi perjumpaan bersua muka harus diberikan kepada pertemuan di mana tatacara dilaksanakan, seperti pembaptisan dan pertemuan sakramen.

Notis kepada para pemimpin memberi panduan tambahan berkenaan jarak sosial, tindakan apabila lebih banyak ahli ingin hadir ke pertemuan, mengurus perkumpulan berbilang di bangunan gereja, langkah sanitasi sesuai, pelaksanaan sakramen selamat dan lain-lain lagi. [Sila baca lebih lagi dalam notis penuh](#).